

21/06/2003

Berkuburnya khabar angin selepas doa

KHABAR angin yang tersebar luas di kalangan perwakilan Perhimpunan Agung Umno kononnya ada 89 bahagian Umno bercadang mengemukakan usul tergepar meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar terus mengekalkan jawatannya,

nampaknya berakhir sebagai khabar angin semata-mata. Ucapan dasar Dr Mahathir kelmarin yang disudahi dengan sebak serta doa bagi kesejahteraan

bangsa, melenyapkan terus sebarang ura-ura untuk usul berkenaan diteruskan. Tidak salah menyanjungi seorang pemimpin besar yang sudah banyak berjasa tetapi ia tidak harus sehingga dilihat sebagai tidak menghormati hasratnya pula. Dr Mahathir sudah melakar proses peralihan kepemimpinan secara sempurna dan itulah yang sebaik-baiknya.

Hakikat perlu diterima bahawa Dr Mahathir membuat keputusan untuk bersara setelah penuh yakin bahawa Umno sudah dikembalikan ke landasan yang betul serta kukuh. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dinamakannya

sebagai pengganti juga diyakini Dr Mahathir sudah cukup bersedia dan berupaya meneruskan perjuangan. Umno keseluruhannya boleh turut meyakini sumbangan Dr Mahathir kepada parti dan negara tidak akan berakhir sejurus

pengundurannya Oktober nanti. Seperti ditegaskan Dr Mahathir dalam ucapan

dasarnya kelmarin, masa depan Umno ditentukan oleh anggotanya sendiri dan

adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan Umno kekal sebagai parti yang diteladani.